

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:-

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan**

bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;

- 4) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;**
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;**
- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**

7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bagi menjawab soalan (b) pula, saya ingin menegaskan bahawa negara ini masih lagi berada di tahap yang selamat dan terkawal. Walaupun sebelum ini negara pernah digemparkan dengan insiden serangan bom tangan di Puchong pada 28 Jun 2016, namun pihak polis dari semasa ke semasa terus meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara ini terus selamat.

Kejayaan pemantauan pihak polis ini telah diterjemahkan melalui siri-siri tangkapan yang dilakukan ke atas elemen kumpulan pengganas Daesh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga 7 Oktober 2016 pihak polis telah berjaya menangkap seramai 255 orang elemen kumpulan pengganas Daesh. Tangkapan ini berjaya dilakukan hasil kerjasama pelbagai pihak melalui perkongsian maklumat antara agensi dan maklumat-maklumat daripada orang awam.

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) diatas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini. Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama.